

JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA
Malaysia Department of Insolvency (MDI)

MANUAL PENGGUNA

Permohonan Pelepasan Sijil KPI (Fast Track)

Di Bawah Seksyen 33A Akta Insolvency 1967 [Akta 360]

Tentang Manual Ini

Manual ini bertujuan untuk membantu pengguna memahami dan menjalani proses permohonan pelepasan Sijil KPI melalui modul Fast Track portal e-Insolvency dengan mudah, pantas dan betul.

Edisi 2026

Portal e-Insolvency

einsolvency.mdi.gov.my

LANGKAH
1**Log Masuk ke Sistem**

Sebelum memulakan permohonan, pastikan anda mempunyai akses ke sistem e-Insolvency.

- Layari portal rasmi e-Insolvency di <https://einsolvency.mdi.gov.my>
- Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan anda pada ruangan yang disediakan di sebelah kanan halaman utama.
- Klik butang Login untuk meneruskan ke sistem.

! NOTA PENTING

Jika anda belum mempunyai akaun, klik pautan "Daftar baru?" untuk mendaftar. Sekiranya terlupa kata laluan, klik "Lupa katalaluan?" untuk menetapkan semula. Panduan pengguna turut boleh dimuat turun terus dari halaman log masuk ini.

Portal e-Insolvency

Portal e-Insolvency menyediakan perkhidmatan atas talian bagi memudahkan pelanggan berurusan dengan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl).

Perkhidmatan Portal e-Insolvency

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah bagi membuat carian **Status Kebankrapan Individu**, carian **Status Penggulangan Syarikat**, **Bayaran Ansuran Bulanan Insolvency** dan **Bayaran Deposit Pempetisyen**.

Pembayaran Melalui Perbankan Internet

Perkhidmatan berbayar yang disediakan melalui portal ini menggunakan perkhidmatan Perbankan Internet yang disediakan oleh bank.

Log Masuk

Id Pengguna

Kata Laluan

[Login](#)

[Daftar baru?](#) [Lupa katalaluan?](#)

Muat Turun

- [Panduan Pengguna](#)
- [Carian Status Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat](#)
- [Panduan Pengguna Bayaran Ansuran Bulanan Insolvency](#)
- [Panduan Pengguna Bayaran Deposit Pempetisyen](#)
- [Borang Pindaan Nama Mahkamah](#)
- [Borang Bayaran Balik Hasil Amanah Mdl](#)
- [Panduan Permohonan Ke Luar Negara](#)
- [Panduan Permohonan Pelepasan Fast Track](#)


Rajah 1: Halaman Log Masuk Portal e-Insolvency

LANGKAH
2

Mengakses Menu Permohonan

Setelah berjaya log masuk, anda akan dibawa ke paparan utama (dashboard) sistem.

- Cari bahagian Senarai Servis Mdl di panel sebelah kiri skrin.
- Di bawah sub-kategori Kebankrapan Individu, klik pada pautan Permohonan Pelepasan Sijil KPI (Fast Track).
- Anda akan dibawa ke halaman Senarai Permohonan.



The screenshot shows the e-Insolvency Malaysia dashboard. At the top, there is a navigation bar with links: Utama, Akaun & Transaksi, Soalan Lazim, Bantuan, and Log Keluar. Below this is a header for 'e-Insolvency Jabatan Insolvency Malaysia'. The main content area is divided into two columns. The left column contains a 'Selamat Datang' section with links for 'Kemaskini Profil' and 'Lihat Rekod Pembayaran'. Below that is the 'Senarai Servis Mdl' section, which is expanded to show 'Kebankrapan Individu' with a sub-menu containing: 'Carian Status Kebankrapan Individu', 'Bayaran Ansuran Bulanan', 'Permohonan Ke Luar Negara', and 'Permohonan Pelepasan Sijil KPI (Fast Track)'. Other sections include 'Penggulungan Syarikat' and 'Pempetisyen'. The right column shows the user profile for 'CHEE YEW FAI' with fields for ID Pengguna, Nombor MyKad/Identiti, Emel, and No. Telefon. Below the profile is a table for 'Maklumat Kebankrapan' with the following data:

| Maklumat Kebankrapan | |
|---------------------------------|-------------------------|
| No. Insolvency: | BP000153/2018 |
| Cawangan: | Pejabat Negeri Selangor |
| Penetapan Ansuran: | 500.00 |
| Tunggakan Ansuran Kene Dibayar: | 0.00 |

Rajah 2: Lokasi Menu Permohonan Pelepasan Sijil KPI (Fast Track)

LANGKAH
3


Paparan Senarai Permohonan & Semak Status

Halaman ini adalah pusat kawalan untuk semua permohonan anda. Di sini anda boleh:


- Semak Status — melihat status terkini setiap permohonan yang pernah dibuat.
- Kemaskini — mengemaskini permohonan yang masih dalam status Draf sebelum dihantar.
- Cetak Keputusan — mencetak keputusan bagi permohonan yang telah diluluskan.

Jadual di bawah menerangkan maksud setiap status permohonan:

| BIL | STATUS | PENERANGAN |
|-----|----------------------|---|
| 1 | — Draf | Permohonan disimpan tetapi belum dihantar untuk semakan. |
| 2 | • Dalam Proses | Permohonan sedang disemak oleh pegawai Mdl. |
| 3 | ✗ Kuri | Dokumen tidak lengkap. Kemaskini dokumen yang diperlukan. |
| 4 | ✓ Lulus | Permohonan diluluskan. Cetak surat keputusan. |
| 5 | ⚠ Tidak Lulus | Permohonan ditolak. Semak catatan untuk butiran lanjut. |
| 6 | ✗ Bantahan Pemiutang | Terdapat bantahan daripada pemiutang terhadap permohonan. |


Utama
Akaun & Transaksi
Soalan Lazim
Bantuan
|
Log Keluar

e-Insolvency Jabatan Insolvency Malaysia



PERMOHONAN PELEPASAN SIJIL KPI (FAST TRACK) DI BAWAH SEKSYEN 33A
AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]

SENARAI PERMOHONAN

| ID Permohonan INSIST | Tarikh Mohon | Status Permohonan | Catatan | Cetak Surat Kelulusan |
|----------------------|--------------|----------------------|--|-----------------------|
| 134868 | 23/02/2026 | • Dalam Proses | — | — |
| 134869 | 23/02/2026 | — Draf | — | — |
| 134880 | 23/02/2026 | ✗ Kuri | Permohonan anda tidak lengkap. Sila kemaskini dokumen 1 dan dokumen 2. Sekiranya tiada findakan, permohonan ini akan dibatalkan. | — |
| 134876 | 22/02/2026 | ✓ Lulus | — | Cetak |
| 134877 | 22/02/2026 | ⚠ Tidak Lulus | Dokumen tidak lengkap. | Cetak |
| 134879 | 22/02/2026 | ✗ Bantahan Pemiutang | — | Cetak |

+ PERMOHONAN BARU

Rajah 3: Halaman Senarai Permohonan dengan pelbagai status

LANGKAH
4

Membuat Permohonan Baharu

Klik butang "+ PERMOHONAN BARU" di bahagian bawah halaman Senarai Permohonan untuk memulakan permohonan baharu. Sila ikuti sub-langkah berikut:

4.1 Pilih Kategori Permohonan

Pilih kategori yang bersesuaian dengan keadaan anda daripada senarai jantai bawah bertajuk "Sila Pilih Kategori Permohonan". Senarai dokumen yang diperlukan akan dipaparkan secara automatik selepas kategori dipilih.

PERMOHONAN PELEPASAN SIJIL KPI (FAST TRACK) DI BAWAH SEKSYEN 33A
AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]

PERMOHONAN BARU

1. Sila pilih kategori permohonan :

-Sila Pilih-

2. Muatnaik dokumen sokongan berikut bagi menyokong permohonan ini :

Arahan Muat Naik Dokumen

- Saiz fail maksimum ialah **4MB** bagi setiap dokumen yang dimuat naik.
- Format fail yang diterima: **PDF** sahaja.
- Sekiranya saiz fail melebihi 4MB, sila **mampatkan (compress)** fail terlebih dahulu sebelum memuat naik.
- Untuk memampatkan PDF: layari lovepdf.com atau smallpdf.com.

Sila pilih **kategori permohonan** terlebih dahulu untuk memaparkan senarai dokumen yang diperlukan.

PERAKUAN BANKRAP

Saya mengesahkan segala maklumat yang diberi oleh saya seperti di atas adalah benar.

← Sebelum Simpan

Rajah 4.1: Memilih kategori permohonan


4.2 Muat Naik Dokumen Sokongan

Muat naik dokumen berkaitan menggunakan butang "Choose file" bagi setiap dokumen yang disenaraikan:

- Format fail yang diterima: PDF sahaja.
- Saiz fail maksimum: 4MB bagi setiap dokumen.
- Dokumen bertanda ★ WAJIB adalah mandatori dan mesti dimuat naik.
- Dokumen bertanda "Dokumen Tambahan" adalah pilihan tetapi disyorkan.

i PANDUAN

Sekiranya saiz fail melebihi 4MB, sila mampatkan (compress) fail terlebih dahulu menggunakan [ilovepdf.com](https://lovepdf.com) atau smallpdf.com sebelum memuat naik.



**PERMOHONAN PELEPASAN SIJIL KPI (FAST TRACK) DI BAWAH SEKSYEN 33A
AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]**

PERMOHONAN BARU

1. Sila pilih kategori permohonan :

MANGSA SCAM

2. Muatnaik dokumen sokongan berikut bagi menyokong permohonan ini :

Arhan Muat Naik Dokumen

- Saiz fail maksimum ialah **4MB** bagi setiap dokumen yang dimuat naik.
- Format fail yang diterima: **PDF** sahaja.
- Sekiranya saiz fail melebihi 4MB, sila **mampatkan (compress) fail** terlebih dahulu sebelum memuat naik.
- Untuk memampatkan PDF: layari [ilovepdf.com](https://lovepdf.com) atau smallpdf.com.

| # | DOKUMEN | MUAT NAIK (MAKS. 4MB) |
|---|---|--|
| 1 | Salinan Laporan Polis dan Dokumen Status Siasatan Kes ★ WAJIB | <div style="border: 1px dashed #ccc; padding: 5px; display: inline-block;"> Choose file No file chosen </div> |
| 2 | Carian Keputusan Semakan Mule CCID PDRM (semakan No. Telefon, No. Akaun Bank, Nama Syarikat Scammer) melalui semakmule.rmp.gov.my Dokumen Tambahan | <div style="border: 1px dashed #ccc; padding: 5px; display: inline-block;"> Choose file No file chosen </div> |

PERAKUAN BANKRAP


Saya mengesahkan segala maklumat yang diberi oleh saya seperti di atas adalah benar.

← Sebelum

Simpan

Hantar

Rajah 4.2: Muat naik dokumen sokongan — sebelum fail dipilih



**PERMOHONAN PELEPASAN SIJIL KPI (FAST TRACK) DI BAWAH SEKSYEN 33A
AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]**

PERMOHONAN BARU

1. Sila pilih kategori permohonan :

MANGSA SCAM

2. Muatnaik dokumen sokongan berikut bagi menyokong permohonan ini :

📌 Arahan Muat Naik Dokumen

- Saiz fail maksimum ialah **4MB** bagi setiap dokumen yang dimuat naik.
- Format fail yang diterima: **PDF** sahaja.
- Sekiranya saiz fail melebihi 4MB, sila **mampatkan (compress) fail** terlebih dahulu sebelum memuat naik.
- Untuk memampatkan PDF: layari lovepdf.com atau smallpdf.com.

| # | DOKUMEN | MUAT NAIK (MAKS. 4MB) |
|---|--|--|
| 1 | Salinan Laporan Polis dan Dokumen Status Siasatan Kes ★ WAJIB | <div style="border: 1px dashed #ccc; padding: 2px; display: inline-block;">Choose file</div> Dokumen 1.pdf <div style="background-color: #e0ffe0; padding: 2px; display: inline-block;"> Dokumen 1.pdf 66.6 KB ✕ </div> |
| 2 | Carian Keputusan Semakan Mule CCID PDRM (semakan No. Telefon, No. Akaun Bank, Nama Syarikat Scammer) melalui semakmule.rmp.gov.my Dokumen Tambahan | <div style="border: 1px dashed #ccc; padding: 2px; display: inline-block;">Choose file</div> Dokumen 2.pdf <div style="background-color: #e0ffe0; padding: 2px; display: inline-block;"> Dokumen 2.pdf 66.6 KB ✕ </div> |

PERAKUAN BANKRAP

Saya mengesahkan segala maklumat yang diberi oleh saya seperti di atas adalah benar.

← Sebelum

Simpan

Hantar

Rajah 4.3: Dokumen berjaya dimuat naik dan kotak perakuan ditanda

4.3 Simpan sebagai Draf atau Hantar Permohonan

Tandakan kotak Perakuan Bankrap untuk mengesahkan maklumat, kemudian pilih tindakan:

- Klik Simpan — untuk menyimpan maklumat sebagai Draf dan menyambungkannya kemudian.
- Klik Hantar — apabila semua maklumat dan dokumen lengkap untuk diproses oleh pegawai.

LANGKAH
5


Pengesahan & ID Permohonan

Selepas butang Hantar diklik dengan jayanya, sistem akan memaparkan halaman pengesahan:

- Satu ID Permohonan yang unik akan dijana dan dipaparkan secara jelas.
- Sila simpan atau catat ID Permohonan ini sebagai rujukan urusan pada masa hadapan.
- Anda boleh klik "Kembali ke Senarai Permohonan" untuk melihat status permohonan.

! AMARAN

Pemohon bertanggungjawab memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan tepat. Sebarang maklumat palsu boleh menyebabkan permohonan ditolak dan tindakan undang-undang diambil terhadap pemohon.



Rajah 5: Halaman pengesahan dengan ID Permohonan unik

LANGKAH
6**Cetakan Surat Keputusan**

Setelah permohonan diluluskan, anda boleh mencetak keputusan:

- Kembali ke halaman Senarai Permohonan.
- Cari permohonan dengan status ✓ Lulus.
- Klik butang "Cetak" pada lajur Cetak Kelulusan.
- Surat keputusan rasmi akan dikeluarkan dalam masa 14 hari bekerja selepas kelulusan.

**NOTA PENTING**

Simpan salinan keputusan ini dengan selamat. Dokumen ini adalah slip keputusan pelepasan kebangkrapan anda di bawah Pelepasan Sijil KPI (Fast Track).



JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA
MALAYSIA DEPARTMENT OF INSOLVENCY (MDI)

KEPUTUSAN PERMOHONAN PELEPASAN
MELALUI SIJIL KETUA PENGARAH INSOLVENSII
SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]

TARIKH KEPUTUSAN : 23/02/2026

No. Insolvency : ██████████

No. KP Baru/ Lama/ Pasport/ Polis/ Tentera : ██████████

Nama : ██████████

Nama Lain (jika ada) :

Alamat Terkini : ██████████

Cawangan Yang Mentadbir : Petaling Jaya
46000 Petaling Jaya Selangor

Status Permohonan : **LULUS**

Permohonan tuan/ puan telah diluluskan, Surat Keputusan akan dikeluarkan dalam masa 14 hari.

KETUA PENGARAH INSOLVENSII
MALAYSIA

Rajah 6: Contoh surat keputusan Pelepasan Sijil KPI

Hubungi Kami

Jabatan Insolvency Malaysia, Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-undang, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62692 Putrajaya

Telefon: 03-88851345 | Aduan/ Maklum Balas : <https://mdi.spab.gov.my> | einsolvency.mdi.gov.my